

'Program basmi kemiskinan RM22 bilion tak nampak hasil'

Perdana Menteri
minta KWSP,
Khazanah
serta BNM
buat kajian

Oleh Rohaniza Idris,
Mahanum Abdul Aziz
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mempersoalkan keberkesanan program membasmi kemiskinan yang dilaksanakan sejak sekian lama, namun hasilnya tidak seperti diharapkan.

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan program itu secara keseluruhannya sudah mencecah RM22 bilion, namun tidak mencapai hasil 'semurni yang diharapkan'.

Beliau yakin antara faktor utama yang menyumbang kepa-

da kegagalan program berkenaan mencapai sepenuhnya matlamat digariskan adalah akibat ketirisan perbelanjaan.

"Jumlah dan dana yang diperlukan (untuk menoktahkan kemiskinan tegar) itu tidak terlalu besar, kerana kalau saya rangkum perbelanjaan secara umum untuk membasmi kemiskinan ini sudah mencecah sekitar RM22 bilion.

"Jadi sekarang saya sudah minta KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), Khazanah (Khazanah Nasional Berhad), BNM (Bank Negara Malaysia) membuat kajian di mana silapnya. Bagaimana perbelanjaan itu digunakan, apakah sampai kepada sasarannya, apakah perlu kita rombak pendekatan.

"Ini harus kita lakukan kerana kita membelanjakan satu jumlah yang besar, tetapi kesannya itu tidak semurni yang diharapkan. Antara lain tentunya kerana ada ketirisan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Menara KWSP Kwasa Damansara, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar ya-

kin sasaran kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar mampu dicapai berdasarkan jumlah aset dan keupayaan dimiliki beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

"Mustahil dengan aset RM1 trilion (dimiliki) KWSP, dengan negara kini mencatat beberapa kemajuan lain dan keupayaan semua yang ada, dengan bangunan yang tersergam indah, kita tidak ada upaya untuk menoktahkan kemiskinan tegar.

"Sebab itu, saya katakan kalau kita semua sekali, GLC, GLIC, KWSP, Khazanah dan lain-lain, bersama kementerian dan jabatan elak daripada ketirisan, kita mampu membantu rakyat yang memerlukan pembelaan," katanya.

Menyentuh mengenai isu ketirisan, beliau mengambil contoh bantuan minyak petrol kepada nelayan, apabila hanya 60 peratus daripadanya sampai kepada kumpulan sasar, manakala baki 40 peratus dibolot tokoh politik.

"Baru-baru ini juga heboh soal minyak mentah disakau oleh keluarga menteri. Bekas menteri itu jawab ini jumlah kecil sahaja.

"Soal nilai, pertimbangan tidak ada kecil atau besar. Seorang menteri, pengurus, perdana menteri, menteri kewangan, tidak boleh menyalahgunakan kuasa dan memperkayakan diri dan keluarga mereka," katanya.

Tetap tak benar keluar KWSP

Sementara itu, mengulas pengeluaran khas KWSP untuk mengurangkan beban rakyat, Anwar berkata, kerajaan tetap dengan pendirian tidak membenarkan pengeluaran itu demi masa depan pencarum.

Katanya, KWSP sebagai badan berkanun yang diamanahkan dengan tugas besar untuk memastikan kelestarian pencarum tidak keluar daripada matlamatnya.

"Sebab itu saya setuju dengan usul pengurusan (KWSP) apabila ada desakan politik yang begitu kuat untuk teruskan pengeluaran (khas) dan saya ambil

keputusan tidak popular untuk tidak membenarkan lagi kerana tugas, janji, ikrar, akad orang yang mencarum itu sesuai dengan janji yang dimeterai itu untuk masa depan mereka.

"Tetapi (apabila) ada keadaan darurat... masa pandemik (COVID-19), dibolehkan kerana masa itu saya antara yang keras menuntut dibolehkan (pengeluaran) kerana keadaan mendesak ketika itu. Sejumlah RM145 bilion dikeluarkan ketika itu," katanya.

Mengenai cadangan caruman KWSP bahagian majikan dinaikkan kepada 20 peratus berbanding 13 peratus ketika ini, Anwar berkata, kerajaan masih belum membincangkan cadangan berkenaan.

Pada sambutan Hari Pekerja, 1 Mei lalu, Perdana Menteri memaklumkan sudah menerima cadangan berkenaan, namun belum dibawa kepada Jemaah Menteri.

Cadangan itu dikemukakan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC).